

# Badan kehakiman, legislatif dijamin bebas - PM

UMM-18/6/2022  
mlk: 3

Oleh ROSALINDA MD.SAID  
rosalinda.said@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Perdana Menteri memberi jaminan kebebasan badan kehakiman dan legislatif akan terus dipelihara di bawah pentadbiran kerajaan Keluarga Malaysia.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jaminan itu diberikan bagi mengelak konflik antara kedua-dua badan tertinggi yang menjadi tiang seri kepada sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan di Malaysia.

Menurut beliau, ketiga-tiga institusi itu ada peranan masing-masing dan perlu dihormati antara satu sama lain.

“Setiap dasar digubal kerajaan berpaksikan roh dan semangat kebersamaan dengan mengambil kira kepentingan setiap agama, kaum dan seluruh Keluarga Malaysia.

“Begitu juga undang-undang



**ISMAIL Sabri Yaakob menerima cenderamata berupa gambar potretnya ketika beliau menuntut di Universiti Malaya pada Majlis Perasmian Perayaan Jubli Emas Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON**

yang dilulus oleh Dewan Rakyat, ia dibahas dengan roh dan semangat yang sama oleh ahli-ahli Dewan, justeru, badan kehakiman perlu mengambil roh dan semangat yang sama ketika

membuat interpretasi kepada undang-undang berkenaan.

“Dalam hal ini, kerajaan memberi jaminan bahawa kebebasan badan kehakiman dan legislatif akan terus dipelihara

kerajaan hari ini,” katanya ketika berucap dalam Majlis Sambutan 50 tahun Jubli Emas Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya di Dewan Tunku Canselor di sini semalam.